

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96**

**Oktober/November 1995**

**BST 322/3 : Ekosistem Tropika**

**Masa: [3 jam]**

---

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

1. Bincangkan pembentukan-pembentukan hutan yang terdapat di Malaysia dengan rujukan khas kepada faktor-faktor iklim dan edafik.  
(20 markah)
  
2. (a) Bincangkan tiga kaedah yang boleh digunakan untuk mengkaji produktiviti primer di Hutan Hujan Tropika.  
(15 markah)
  
- (b) Hutan Hujan Tropika kerap kali dianggap sebagai salah satu ekosistem semulajadi yang paling produktif di dunia.  
Bincangkan.  
(5 markah)
  
3. Beri catatan mengenai:
  - (a) Perbezaan antara spesies “peminta cahaya” dan spesies “tahan naung” di Hutan Hujan Tropika.  
(10 markah)
  
  - (b) Variasi ruang (“spatial”) mikroiklim adalah faktor penting untuk taburan haiwan dan tumbuhan di Hutan Hujan Tropika.  
(10 markah)
  
4. Tuliskan nota-nota mengenai tajuk-tajuk berikut:
  - (a) Komponen-komponen utama air laut.
  - (b) Muara tropika.
  - (c) Produktiviti primer ekosistem-ekosistem akuatik tropika.  
(20 markah)

[BST 322/3]

5. Beri catatan mengenai:-

(a) Saling tindak tumbuhan-haiwan di Hutan Hujan Tropika.

(10 markah)

(b) Permodelan sebagai suatu alat/kaedah untuk penyelidikan ekologi.

(10 markah)

6. Tuliskan suatu esei mengenai “Kesan tindakan semasa manusia ke atas Hutan Hujan Tropika”.

(20 markah)

-oooOooo-